| | SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2012-2013<br>DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Rasional / Objektif | Keterangan Ringkas |
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | |
| | | | | | **KEMENTERIAN PENDIDIKAN** | |
| 1 | Penubuhan Struktur Pengurusan Strategik (Strategik Management Structure) | | ✓ | | Bagi memperbaiki proses pengurusan perlaksanaan Pelan Strategik 2012-2017 Kementerian Pendidikan dengan menitikberatkan *proses cascading of strategic plan* di setiap peringkat dan fungsi Kementerian Pendidikan | ● Struktur Pengurusan Strategik merupakan usaha Kementerian Pendidikan dalam memastikan perlaksanaan pelan strategiknya dibuat secara terurus dan bersistematik. Ia dibentuk mengikut struktur yang terdapat dalam peta strategi Kementerian Pendidikan iaitu Visi dan Misi, Bidang Fokus Utama dan Objektif Strategik<br><br>● Di peringkat paling strategik, Yang Mulia Setiausaha tetap (Pengajian Tinggi) dipertanggungjawabkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai ***Single Point Authority*** yang beperanan dalam memimpin perlaksanaan keselururuhan pelan strategik Kementerian dan bertanggungjawab atas progres dan pencapaian KPI-Kpi Kementerian di peringkat strategik. Sehubungan ini, beliau menerusi Unit Pengurusan Strategik bertanggungjawab bagi memastikan pelan strategik dilaratkan dan dioperasionalisasikan secara bersistematik di setiap peringkat di Kementerian.<br><br>● Di peringkat Bidang Fokus Utama (Strategik Focus Areas) pula, Yang Mulia Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) diberikan peranan sebagai Strategik Focus Area (SFA) Owners dan bertanggungjawab dalam memimpin dan memastikan Strategik Objective Owners yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan menyediakan dan melaksanakan strategi-strategi yang bersesuaian bagi memenuhi objektif-objektif strategik yang menjurus kepada Bidang-Bidang Utama Strategik Kementerian. SFA Owners bersidang bersama Single Point Authority setiap suku-tahunan untuk melaporkan dan membincangkan sebarang perkembangan dan isu-isu berhubungkait dengan Bidang-Bidang Utama Strategik<br><br>● Di peringkat Objektif Strategik pula, Ketua-Ketua Jabatan tertentu memainkan peranan sebagai Strategik Objective Owners dan bertanggungjawab untuk memimpin penyediaan, perlaksanaan dan pengurusan inisiatif-inisiatif strategik yang menjurus kepada pemenuhan objektif-objektif strategik Kementerian. Sebahagian besar tugas mereka melibatkan koordinasi dan kolaborasi bersama jabatan-jabatan, bahagian-bahagian dan unit-unit yang berkenaan untuk sama-sama membentuk, merancang dan melaksana sko inisiatif-inisiatif strategik dan melaporkan progres dan pencapaian KPI-KPI yang ditentukan. Setiap bulan Strategic Objective Owners bersidang bersama SFA Owner masing-masing bagi melapor dan membincangkan progres dan pencapaian inisiatif-inisiatif strategik yang dijalankan dan KPI-KPI. |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **UNIT PENDIDIKAN KHAS** | | | | | | |
| 2 | ASEAN + 3 Junior Science Odyssey (APT JSO) 2012 | | | ✓ | ● Menguji kebolehan pelajar-pelajar cerdas pintar tempatan dalam bidang Sains di peringkat negara-negara ASEAN +3<br><br>● Memberi pededahan dan pengalaman kepada guru-guru megenai best practices dan Pendidikan Sains | ● Negara Brunei Darussalam telah dilantik sebagai tuan rumah bagi program *ASEAN Plus Three Junior Sceince Odyssey (APT JSO)* buat pertama kali.<br><br>● Unit pendidikan khas, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama UBD dan Kementerian Pembangunan telah mengendalikan program tersebut pada 10 hingga 17 Jun 2012.<br><br>● Dua orang pakar dari APT Centre for the Gifter in Science, Korea telah dijemput untuk menyampai keynote address:<br>1. Professor Lee Sang Chun - selaku Pengurusi APT Centre for the Gifted in Science, Korea<br>2. Dr. Yu Hee Yol selaku Keynote Speaker APT JSO, Pofessor di Pusan Universiti, Korea |
| 3 | Projek CERDAS (Creativity, Enhancement and Research Development for Advance Student<br>Tema Projek 2012: '*Green Growth* '<br>Tema Projek 2013: ' *Biodiversity, Environment and Conservation*' | | | ✓ | ● Melatih pelajar-pelajar cerdas menggunakan kemahiran berfikir tahap tinggi (higher order level thinking skills) dalam menghasilkan projek dalam bidang Sains, Teknologi dan Innovasi<br><br>● Menggalakkan self exploratory learning and innovation melalui projek penyelidikan seperti yang dihasratkan oleh SPN21 bagi mengembangkan potensi minda yang kreatif dan inovatif<br><br>● Mengumpulkan hasil dan idea-idea pelajar yang boleh diketngahkan dan dikembangkan melalui pendidikan<br><br>● Meningkatkan kemahiran dan kecekapan guru-guru yang terlibat melalui perkembangan professionalisme<br><br>● Sebagai inisiatif mendukung Wawasan 2035 Negara, ke arah Pengajaran dan Pembelajaran yang Cemerlang | ● Projek CERDAS adalah salah satu inisatif UPK iaitu menyediakan program yang mencabar dan setanding dengan kebolehan pelajar cerdas pintar<br><br>● Dalam projek CERDAS pelajar-pelajar dibawah pengawasan dan bantuan Guru Pengawas (sebagai mentor) akan membuat 'Action Research Project', yang akan dipertandingkan. Melalui program CERDAS, para peserta dengan bimbingan 'Mentor' masing-masing akan menjalankan kajian projek yang berkaitan dengan isu global mengikut tema Green Growth / Biodiversity, Environment and Conservation yang diharap akan dapat menyumbang satu dapatan yang bleh ditengahkan<br><br>● Disamping boleh dikongsisama dengan pelajar-pelajar lain dalam sekolah masing-masing hasil dapatn projek juga akan dipamerkan kepada awam, sebagai satu sumber ilmu daripada kajian yang dilaksanakan oleh pelajar tempatan dan guru-guru mereka. Guru-guru dan pelajar-pelajar yang menyertai pertandingan program CERDAS juga mengikut beberapa bengkel dan taklimat yang berhubungkait dengan tema projek.<br><br>● Projek CERDAS merupakan program pengayaan yang diungkayahkan oleh UPK dalam bentuk pertandingan. Setiap kumpulan terdiri seramai 3 orang pelajar, di bawah seorang mentor yang terdiri daripada Guru matapelajaran Sains sekolah masing-masing, dan setiap sekolah menengah kerajaan terlibat di dalam projek penyelidikan. Hasil projek telah dihakimkan oleh pakar dalam bidang yang berkenaan |
| 4 | Menubuhkan jawatankuasa Bantuan Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas "IKHLAS" (Tahun 2012 & 2013) | | ✓ | | ● Membantu pelajar-pelajar berkeperluan khas yang kurang berkemampuan untuk mendapat peralatan khas<br><br>● Meningkatkan aksesibiliti dalam pembelajaran melalui penggunaan peralatan / teknologi bersesuaian dengan keperluan pelajar<br><br>● Meningkatkan kualiti hidup dan peluang pendidikan pelajar-pelajar berkeperluan khas<br><br>● Memastikan keperluan pelajar berkenaan dipenuhi dan dipedulikan dari masa ke semasa | Jawatankuasa ikhlas telah dapat memenuhi sebahagian keperluan khas dari keluarga kurang mampu dan membolehkan mereka mengikuti proses pembelajaran dan sosial dengan lebih baik |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | Majlis Karnival Pendidikan Khas 2013 | | | ✓ | ● Meningkatkan kefahaman seluruh lapisan masyarakat mengenai:<br>a. Pendidikan Inklusif<br>b. Pendekatan-pendekatan dan peranan UPK<br>c. Peluang-peluang pembelajaran bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas,<br>d. Pencapaian UPK sejak 1996<br><br>● Karnival Pendidikan Khas diselajurkan dengan:<br>a. Pelancaran Buku Panduan Perkhidmatan-Perkhidmatan UPK,<br>b. Penyampaian sijil pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam peperiksaan awam 2012, dan<br>c. Penyampaian sijil kepada guru-guru yang telah mengikuti kursus-kursus anjuran UPK.<br>d. Pameran UPK, jualan, lain aktiviti seperti public consultation, quiz, pengujian, mainan dll. | Karnival 2013 bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai pembelajaran dan pengajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas di sekolah inklusif. Seterusnya,m pelajar-pelajar yang mempunyai pelbagai keperluan akan mendapat bantuan serta bimbingan yang lebih berkesan agar mereka dapat mencapai potensi maksima masing-masing. karnival 2013 juga telah mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman yang lebib mendalam dalam pemedulian dan hal ehwal kebajikan pelajar-pelajar berkeperluan khas di kalangan guru-guru dan para ibubapa, sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012 - 2017. |
| 6 | Public Talk Pendidikan Khas 2013<br>Tema: *"Every Child Can Learn"* | | | ✓ | ● Mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman para peserta dalam pemedulian dan hal ehwal kebajikan pelajar-pelajar berkeperluan khas.<br><br>● Memberikan maklumat mengenai pendidikan inklusif, program pendidikan dan bantuan perkhidmatan UPK.<br><br>● Meningkatkan usaha atau bantuan yang boleh disumbangkan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas, supaya mendapat akses yang lebih baik kepada peluang-peluang pendidikan seperti mana rakan-rakan sebaya mereka. | ● Inisiatif UPK ialah untuk meningkatkan pengetahuan professionalisme kaum pengajar, terutama guru-guru serta ibu bapa dan orang awam mengenai pembelajaran dan pengejaran pelajar-pelajar berkeperluan khas<br><br>● Pelajar-pelajar yang mempunyai pelbagai keperluan akan mendapat bantyuan serta bimbingan yang lebih berkesan untuk mencapai potensi maksima masing-masing<br><br>● UPK juga mengadakan beberapa siri public talk dengan tema "Every Child Can Learn" untuk guru-guru dan ibubapa dari bulan Ogos 2013. Sebanyak sembilan topik public talk telah disampaikan oleh pegawai UPK. |
| | **BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS** | | | | | |
| 7 | Mengemaskini Struktur Organisasi | | ✓ | | ● Memudahkan lagi perlaksanaan tugas dan tanggungjawab dan perlaksanaan kerja yang lebih fokus<br><br>● Fungsi dan peranan berjalan lancar, teratur dan berkesan<br><br>● Penggunaan sumber yang maksima | Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) dibahagikan kepada lima (5) unit dan setiap unit memfokus kepada bidang tugas dan tanggungjawab tertentu (khusus) bertindak sebagai sepasukan dalam menajalankan skop kerja BPS |
| 8 | Meneliti dan mengemaskini prosedur dan proses kerja | | ✓ | | ● Bagi memaastikan prosedur dan proses kerja lebih mesra pelanggan, mudah untuk dilaksanakan dan mengelakkan pembaziran sumber<br><br>● Proses kerja lebih pendek tetapi menepati dasar dan peraturan dan piawaian<br><br>● Prosedur dan proses kerja selaras dengan TPOR | Beberapa prosedur dan proses kerja yang berkaitan dengan pendaftaran, membaharui pendaftaran dan pembayaran telah diteliti dan dikemaskini serta akan dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Borang-borang yang berkaitan dengan pendaftaran akan di muat turun ke dalam laman sesawang Kementerian Pendidikan melalui kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. |
| 9 | Meneliti dan mencadangkan perubahan terhadap Akta dan Peraturan | ✓ | | | ● Untuk mengemaskini Akta dan Peraturan agar memenuhi keperluan semasa<br><br>● Memastikan peraturan dan garispandu adalah selaras dengan Akta Pendidikan | Proses penelitian adalah secara berterusan. Dua pegawai bahagian ini telah dilantik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Meneliti Peraturan-Peraturan Pendidikan |
| 10 | Mengemaskini maklumat institusi pendidikan swasta | | ✓ | | ● Menyediakan sumber data dan maklumat yang kemaskini dan mudah diperolehi bilamana diperlukan<br><br>● Memudahkan bagi bahagian ini membuat perancangan dan tindakan berdasarkan maklumat tepat | Untuk kegunaan dalam memproses maklumat pendaftaran sekolah, guru dan lembaga pengarah secara berkomputer dan boleh menyenaraikan sekolah mengikut skala berdasarkan kepatuhan kepada Akta dan Peraturan Pendidikan |
| 11 | Meningkatkan Kualiti Infrastruktur dan Premis Sekolah-Sekolah Swasta [Projek IPSBI (*Improvement of Private School Building & Infrastructure* )] | | ✓ | | ● Membantu pihak pengusaha sekolah mendapatkan tanah untuk pembinaan infrastruktur kekal<br><br>● Mengurangkan jumlah sekolah formal swasta yang tidak mematuhi peraturan dan piawaian<br><br>● Kearah penyediaan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti tinggi | Adalah menjadi hasrat BPS untuk melihat sekolah-sekolah swasta membina bangunan sekolah kekal yang mempunyai infrastruktur serta prasarana yang lengkap dan berkualiti serta mematuhi piawaian ynag diahrapkan akan menghasilkan pencapaian pendidikan yang lebih cemerlang |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | Perkembangan professional pegawai-pegawai dan kakitangan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan BPS | | | ✓ | ● Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pegawai BPS dalam memberikan khidmat yang lebih berkesan dan teratur<br><br>● Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin-pemimpin dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah formal swasta ke arah meningkatkan kualiti pengurusan institusi serta pengajaran dan pembelajaran selaras dengan garispandu SPN21 dan tahap piawaian kebangsaan | ● Penghantaran pegawai-pegawai keluar negeri bagi penempatan kerja atau kursus-kursus yang berkaitan dengan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab di BPS<br><br>● Penyediaan program-program latihan ECCS dan penglibatan/penglaratan kursus-kursus yang dikendalikan oleh JSS. JPK seperti SBAFI, BCATs, BTS dan SLP |
| 13 | Jerayawara | | ✓ | | ● Memberigakan mengenai Akta Pendidkan, Peraturan dan garispandu yang perlu dipatuhi oleh institusi pendidikan swasta<br><br>● Mendapatkan maklumat-maklumat yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan<br><br>●Meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan | Akan dilaksanakan hanya setelah semua garispandu, Manual Prosedur Kerja dan Penelitian terhadap Akta Pendidikan dan Peraturan-Peraturan dibawahnya telah dikemaskini / payu |
| **UNIT PEMEDULIAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK** | | | | | | |
| 14 | Kemasukan dan pendaftaran kanak-kanak presekolah secara berperingkat-peringkat | | ✓ | | ● Memudahkan guru membuat persediaan menyambut murid-murid baru.<br><br>● Memudahkan ibubapa mengurus kemasukan sekolah anak-anak mereka yang lain | Mula dilaksanakan pada Januari 2012 hingga kini |
| 15 | Program orientasi bagi kanak-kanak presekolah | | ✓ | | Mengurangkan jumlah murid menangis pada minggu pertama persekolahan | Mula dilaksanakan pada Januari 2011 hingga kini |
| 16 | Senarai semak bagi guru-guru presekolah | | ✓ | | ● Rujukan guru prasekolah dalam pengurusan blik darjag dan pengajaran mereka<br><br>● Di isi oleh guru-guru presekolah empat kali dalam setahun | ● Disediakan pada tahun 2010<br><br>● Dijalankan hingga kini |
| 17 | Program pembangunan kapasiti guru-guru presekolah | | | ✓ | ● Memantapkan dan mengukuhkan kualiti pedidikan di peringkat awal kanak-kanak | ● Mula dilaksanakan pada Januari 2012 hingga kini<br><br>● Diikuti oleh semua guru-guru prasekolah di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta |
| 18 | Transformasi landskap pendidikan prasekolah | | ✓ | | Membuat minda dan memberi idea guru-guru untuk mempelbagaikan cara pengajaran mereka | Mula dilaksanakan Januari 2013 hingga kini |
| 19 | Pembinaan kerangka kebangsaan berkualiti bagi pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak | ✓ | | | Menyediakan Negara Brunei Darussalam dengan piawaian yang dapat mengawal sistem kualiti ppakk di negara ini | Mula dijalankan pada Disember 2012 hingga kini |
| 20 | Program SAFE (School and Family Engagement Program) | | ✓ | | ● Menanam minat suka membaca di kalangan murid prasekolah<br><br>● Mengeratkan hubungan di anatara ibubapa murid prasekolah dengan pihak sekolah<br><br>● Menjadikan bilik prasekolah sentiasa di dalam keadaan yang selamat, kondusif dan ceria | ● Mula dilaksanakan pada Januari 2014 hingga kini<br><br>● Program dan projek kecil dalam program SAFE, Hari bersama Keluarga, Bacalah Alaiku dan Bisai Mini |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH** | | | | | | |
| 21 | Meneliti semula dasar pemberian biasiswa dalam negeri (Kemudahan Dalam Negeri) kenderaan, asrama dan elaun | ✓ | | | ● Memastikan supaya pemberian kemudahan dalam negeri ( kenderaan dan asrama) mengikut keperluan masa kini<br><br>● Membantu pelajar yang memerlukannya bagi memastikan mereka dapat meneruskan pelajaran di sekolah dengan selesa<br><br>● Mengelakkan pelajar menghadapi masalah kedatangan dan tercicir daripada alam persekolahan | Dasar yang digunapakai pada masa ini adalah merujuk surat keliling Kementerian Pendidikan tahun 1991. Sejak itu belum ada perubahan terkini atau penelitian semula. Pemberian Biasiswa Dalam Negeri sepatutnya dikaji semula supaya sejajar dengan SPN21 dan Perintah Pendidikan Wajib demi mencapai Wawasan 2035 |
| 22 | Meneliti semula Buku Panduan Disiplin bagi Institusi Pendidikan dan asrama - 2007 | ✓ | | | ● Supaya peraturan dan disiplin sekolah selaras dengan kehendak negara dan menuju kearah wawasan negara 2035<br><br>● Memastikan peraturan -peraturan sekolah releven dan selaras dengan SPN21 den pendidikan wajib 2007<br><br>● Menyediakan panduan tatacara tindakan disiplin dan cara hukumun atau tindakan yang dikenakan tidak akan merugikan pelajar | ● Buku panduan ini perlu diteliti semula kerana terdapat peraturan dan tindakan yang tidak selaras dengan SPN21 dan Perintah Pendidikan Wajib<br><br>● Terdapat tatacara tindakan yang tidak lagi sesuai untuk digunakan |
| 23 | Perkhidmatan Guru Relif bagi Sekolah-Sekolah Menengah / Rendah, 2012-2013 | | ✓ | | ● Menggalakan lebih ramai graduan cemerlang menceburi bidang pendidikan bagi menjamin pelajar-pelajar menerima pendidkan yang cemerlang dan seterusnya menghasilkan generasi yang berkualiti<br><br>● Memastikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sentiasa berjalan bagi menggelakkan pelajar-pelajar tertinggal pelajaran | ● Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan menyediakan guru-guru bagi menangani masalah kekurangan/ketiadaan guru di sekolah khususnya bagi menggantikan guru cuti bersalin, LDP dan cuti sakit<br><br>● Perkhidmatan Guru Relif adalah secara sementara sahaja selama satu tahun sahaja<br><br>● Bagi menggantikan guru-guru yang menjalani Cuti Bersalin, penempatan Guru Relif akan diambil kira bermula dari tarikh guru berkenaan diberikan hak cuti bersalin<br><br>● Bagi menggantikan guru-guru Cuti Sakit/LDP adalah mengikut tempoh masa yang dihadapkan oleh pihak sekolah menerusi memorandum |
| **BAHAGIAN KAUSELING DAN KERJAYA** | | | | | | |
| 24 | Keberkesanan Penyeliaan Pegawai-Pegawai Perunding BKK ke sekolah-sekolah | | ✓ | | ● Meningkatkan kredibiliti dan tanggungjawab utama pegawai BKK dalam membantu pihak sekolah ke arah keberkesanan perkhidmatan bimbingan, kaunseling dan kerjaya<br><br>● Meningkatkan sikap pemedulian di kalangan pegawai perunding akan kesejahteraan guru-guru / kaunselor agar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih yakin dan berkesan dan mengikut prosedur yang betul<br><br>● Memastikan pegawai perunding lebih memahami suasana, keperluan dan permasalahan sekolah-sekolah di bawah pengawasan masing-masing dan membina hubungan dan interaksi yang lebih rapat dan berkesan dengan guru-guru dan pemimpin sekolah | ● BKK dibahagikan kepada 3 unit kecil. Setiap Unit diketuai oleh seorang ketua bagi membuat penyelarasan lawatan dan pemantauan terhdap kaunselor, guru bimbingan dan guru kerjaya di sekolah-sekolah kerajaan seluruh negara<br><br>● Lawatan bertujuan bagi melibatkan membantu kaunselor, guru bimbingan dan guru kerjaya unutk membuat perancangan tahunan menepati kehendak perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan kerjaya di sekolah<br><br>● Memantau, meyelia, menilai dan mempertingkatkan program dan aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah<br><br>● Memastikan penyimpanan rekod,laporan dan sistem failing yang baik dan kemaskini<br><br>● Memastikan laporan setiap tiga bulan dan meneliti laporan-laporan yang dihantar mengikut yang ditetapkan<br><br>● Membawa ke perhatian Ketua BKK jika ada perkara-perkara yang berbangkit dan berat yang memerlukan perhatain segera pihak yang berkenaan |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 | Memperkemas dan menyusun semula penempatan kerani dan kakitangan di unit-unit BKK | | ✓ | | Memaksimakan tugas dan tanggungjawab kerani di unit-unit lebih berkesan dan bersistematik | ● Melantik dan menepatkan seorang kerani yang khusus dan tetap bagi setiap Unit di bawah BKK<br><br>● Tugas dan tanggungjawab dijalankan lebih fokus dan menyeluruh<br><br>● Seramai 3 orang kerani di tempatkan di Unit Pentadbiran, Seorang kerani di Unit Perkhidmatan Menengah, seorang kerani di Unit Perkhidmatan Reandah dan seorang di Unit Pedidikan Kerjaya<br><br>● Jumlah keseluruhan kerani ialah seramai 7 orang |
| 26 | Keperluan menambah Pegawai BKK di Unit Pendidikan Kerjaya | | ✓ | | ● Keperluan yang mendesak khususnya di sekolah-sekolah menengah / Maktab dan Pusat Tingkatan Enam<br><br>● Banyak program dirancang melibatkan tenaga yang banyak bagi menyelaras aktiviti di sekolah -sekolah menengah mengikut kluster<br><br>● Memastikan semua program dan aktiviti yang dirancangkan dan dijalankan mengikut jadual dan perancangan tanpa sebarang halangan terutama kekurangan tenaga pegawai | ● Jumlah Pegawai di Unit Pendidikan Kerjaya pada masa ini adalah seramai 4 orang<br><br>● Walaubagaimanapun mulai awal tahun 2015, jumlah ini akan berkurangan memandangkan 2 pegawai akan bersara dari perkhidmatan sementara seorang pegawai akan bercuti beranak mulai hujung Oktober 2014 |
| 27 | Borang laporan / Buku Log Perkhidmatan Kaunseling Individu dan kelompok | | ✓ | | Antaranya:<br>- Lebih selaras<br>- Menjimatkan masa dan cekap dari seg<br>- Ringkas dan padat dengan informasi<br>- Memudahkan pihak pengurusan BKK menyemak dan menganalisa data diberikan<br>- Sebagai jalan menangani masalah kelambatan penyerahan laporn dari sekolah-sekolah | ● Laporan bulanan (setiap tiga bulan) dan laporan tahunan sebulum ini dibuat menggunakan format yang berbeza mengikut keperluan sekolah-sekolah berkenaan<br><br>● Laporan kaunseling individu dan kelompok juga menggunakan contoh yang diagihkan dan serahkan<br><br>● Menggunakankan format yang tidak selaras |
| **UNIT MEMPROMOSI KESIHATAN** | | | | | | |
| 28 | Program Meningkatkan Kualiti Penyediaan Makanan dan Minuman Kantin Maktab dan Sekolah-Sekolah | | | ✓ | ● Untuk mengamalkan pengambilan tabiat makanan seimbang yang bersih, berkhasiat dan selamat<br><br>● Meningkatkan kepekaan dan keperihatinan serta memupuk rasa tanggungjawab dalam memperbaiki mutu perkhidmatan kantin<br><br>● Meningkatkan nutrien makanan yang berkhasiat bagi menjamin kecergasan fizikal dan kecerdasan mental pelajar | ● Hasil dari pemantauan sepanjang lima tahun kebelakangan (2007 - 2011) yang telkah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Jabatan sekolah-sekolah selalui Unit Mempromosikan Kesihatan dengan Permakanan Masyarakat, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, Bahagian Perkhidmatan Pergigian, Bahagian Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa kualti perkhidmatan kantin sekolah memerlukan perhatain dan tindakan segera khusus dalam aspek penyediaan, kebersihan dan keselamatan makanan bagi mencapai standard kesihatan yang memuaskan<br><br>● Tujuan:<br>- Meningkatkan kesedaran dalam amalan pengambilan makanan seimbang<br>- Meningkatkan keperluan nutrien kepada pelajar bagi membantu metabolisme dan mengurangkan penyakit obesity<br>- Meningkatkan kualiti perkhidmatan makanan kantin agar dapat mencagah pencemaran dan keracunan makanan |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **UNIT PERPUSTAKAAN SEKOLAH** | | | | | | |
| 29 | Pembahagian Unit Perpustakan Sekolah kepada 5 Zon | | ✓ | | Untuk mengemaskinikan Struktur Pentadbiran yang lebih tersusun dan terarah secara bersistematik | Pembahagian Unit Perpustakaan bermula pada April 2011 |
| | | | | | ● Pegawai/kakitangan perpustakaan dapat berinteraksi sesama sendiri dalam satu unit untuk menjalankan tugas-tugas dengan lebih efektif<br><br>● Segara permasalahan atau isu-isu yang timbul dalam satu-satu unit akan di bincangkan bersama dan kemudian hasilnya akan di hadapakan oleh Pengurusi setiap unit untuk dibincangkan ke mesyuarat induk<br><br>● Sebagai motivasi bagi setiap unit untuk bersaing secara positif dalam meninggikan tahap Prestasi mutu perpustakaan setiap sekolah Rendah, Menengah, Maktab dan Pusat tingkatan Enam dalam membuat perancangan atau aktiviti yang releven | ● Setiap Kumpulan ini mempunyai perancangan sendiri selain daripada Rancangan Tahunan yang telah disusun oleh Unit Perpustakaan Jabatan Sekolah-sekolah. Perlaksanaan rancangan adlahmengikut apa yang telah disusun disetiap bulan sepanjang waktu persekolahan<br><br>● Kumpulan ini juga telah membentuk jawatankuasa masing-masing yang terdiri daripada Pengurusi, Timbalan Pengurusi, Setiausaha, Bendahari dan Ahl |
| 30 | Penerapan Konsep MIB dalam Perpustakaan Sekolah | ✓ | | | ● Untuk memberi kefahaman kepada pegawai dan kakitangan perpustakaan tentang konsep MIB dalam perpustakaan sekolah terutama peraturan dan etika kerja semasa bertugas serta memberi petunjuk yang baik dan berguna sebagai bekalan kita sehari-hari ke arah memajukan diri kita melalui sesi taklimat dan seumpamanya<br><br>● Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menjadikan MIB sebagai pertama dalam membentuk sahsiah dan disiplin dalam proses pengajaran, pembelajaran, menanamkan nilai-nilai murni, bersopan santun, membri salam, menghormati ibu bapa, orng tua, guru, tolong menolong dan sebagainya bagi pegawai dan kakitangan perpustakaan dan semua warga sekolah dan pelawat | ●Bermula pada bulan Mei 2014<br><br>● Mempamerkan konsep MIB dalam perpustakaan serta mengadakan sudut khas bagi MIB di bilik perpustakaan untuk menjadikan MIB sebagai cara hidup yang sempurna dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk kebaikan dunia dan akhirat |
| 31 | Perancangan galeri / Arkib profil Sekolah | ✓ | | | ● Untuk mengetahui Sejarah pertama latarbelakang sekolah Contoh:<br>- Pemimpin<br>- Bila dibina<br>- Perasmian<br>- Pencapaian dan Kemajuan yang kecapi<br>- DLL<br><br>● Untuk diperkenalkan kepada masyarakat dalam dan luar negeri | ● Projek ini bermula pada tahun 2014<br><br>● Mengumpul maklumat atau foto-foto mengenai dengan sekolah pada awal permulaaan sekolah tersebut di bini |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BAHAGIAN PENDIDIKAN RENDAH** | | | | | | |
| 32 | Focused Students Subjects, Schools and Society (F4S)' | | | ✓ | ● Meningkatkan pencapaian peratus lulus mata-mata pelajaran Mthematics, Science dan Bahasa Inggeris ke 90%<br><br>● Meningkatkan pencapaian peratus lulus PSR sekolah-sekolah rendah Kerajaan ke 90% pada tahun 2013<br><br>● Meningkatkan kualiti guru dari segi kemahiran pedagogi dan penguasaan 'content knowledge' | ● F4S telah disediakan pada tahun 2013<br><br>● Program F4S ini dilaksanakan khusus bagi pelajar-pelajar tahun 6 (2013) dan sekolah-sekolah yang dikategorikan mempunya risiko kejatuhan peratus lulus PSR 2013. Perhatian sepenuhnya akan diambil pada mata pelajaran mathematics, Bahasa Inggeris dan Science sahaja. Berdasarkan statistik keputusan PSR dari tahun 2005 (data yang diperhatikan), mata pelajaran mathematics adalah mata pelajaran penyebab utama kemerosotan pencapaian peratus PSR. Manakala mata pelajaran science dan Bahasa Inggeris juga diberkan perhatian memandangakn mata-mata pelajaran ini juga mempunyai risiko kepada kejatuhan pencapaian peratus lulus PSR.<br><br>● Program ini akan memberi perhatian sepenuhnya kepada sekolah-sekolah yang berisiko tinggi mencapai di bawah 50% lulus dalam mata pelajaran mathematics (Berdasarkan kepada keputusan School-Based Examination )SBE) begi pelajar Tahun 5 (2012) dan 'based line data' pre-test mathematics<br><br>● Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Baginda Sempena Menyambut tahun baru masehi 2013:<br><br>● Sebab itulah, keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) baru-baru ini perlu diambil iktibar dan perhatian yang serious untuk memperbaiki lagi. Carilah punca mengapa sebahagian anak-anak sekolah kita tidak dapat menguasai kemahiran asas ini. Mungkin saja latihan dan pendidikan penguruan perlu dipertingkatkan lagi'<br><br>● Melihat kepada trend keputusan pencapaian Penilaian Sekolah Rendah sejak tahun 2008 hingga 2012, usaha dan langkah-langkah progresif untuk meningkatkan pencapaian keputusan PSR adalah sangat kritikal. Graf berikut menunjukkan trend pencapaian bagi mata pelajaran Mathematics, Science dan English Language mengikut gred dan juga peratus gagal calon |
| **BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PERKEMBANGAN** | | | | | | |
| 33 | Penyerapan Guru ke Skim baru (Skim Perkhidmatan Guru) | | ✓ | | Menyediakan aliran kerjaya (career path) yang lebih terarah dari segi tanggagaji dan jawatan bagi mengelakkan tanggagaji yang bertindih dalam pelbagai jawatan. | Merujuk kepada titah KDYMM yang memperkenankan untuk mewujudkan skim baru SPG dengan hasrat agar guru-guru cemerlang kekal di bilik darjah dan kebajikan mereka dijaga khususnya kenaikan pangkat mereka |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **UNIT PENTADBIRAN DAN PERHUBUNGAN AWAM** | | | | | | |
| 34 | Skim Miftaahun Najaah ('Kunci Kejayaan') Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam | | ✓ | | ● Selaras dengan perlaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) dan Perintah Pendidikan Wajib 2007 yang ingin memastikan semua pelajar mempunyai akses / peluang dan matlamat yang sama rata untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang menurut kebolehan / keupayaan / minat masing-masing<br><br>● Mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu rekyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta kualiti kehidupan yang setara dengan 10 negara teratas dunia<br><br>● Memastikan pemberian bantuan menepati kehandak definisi pelajar-pelajar berasal dari keluarga kurang berkemampuan; iaitu mengikut kriteria yang ditetapkan<br><br>● Menyelaras dan menyeragamkan proses penelitian, penilaian dan sokongan pemberian bantuan | ● Skim miftaahun Najaah merupakan skim bantuan pendidikan untuk para pelajar yang berasal dari keluarga kurang berkemampuan berpunca daripada masalah **kewangan,** masalah **keluarga,** masalah **tempat tinggal,** masalah **kenderaan** dan seumpamanya sehingga menjejaskan persekolahan mereka.<br><br>● Kelompok pelajar yang layak untk dipertimbangkan unutk skim ini ialah rakyat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang dipertuan Negara Brunei Darussalam (pemegang kad pengenalan warna kuning) yang menetap di Negara Brunei Darussalam atau penduduk Tetap (pemegang kad pengenalan warna ungu)<br><br>● Pelajar tersebut hendaklah berdaftar dengan sekolah-sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan mengikuti pembelajaran sepenuh masa.<br><br>● Jenis-jenis bantuan yang diberikan:<br>i. Peralatan persekolahan (buku tulis, alat tulis &buku kerja)<br>ii. Pakaian sergam sekolah<br>iii. Pakaian pendidikan jasmani<br>iv. Pengecualian yuran sekolah<br>v. Kelas tuisyen<br>vi. Sarapan pagi<br>vii. Kemudahan tinggal asrama<br>viii. kemudahan pengangkutan<br>ix. Keperluan asas tinggal di asrama (alat kebersihan diri)<br>x. Yuran peperiksaan<br>xi. Bantuan kewangan/sagu hati bulanan bagi pelajar-pelajar yang tinggal di asrama -$30 (sekolah rendah), $45 (Sekolah Menegah), $60 (Pra Universiti)<br>xii. Lain-lain bantuan yang berkaitan dengan pembelajaran pelajar misalnya cermin mata bernilai $150 |
| **JABATAN PENDIDIKAN / PEPERIKSAAN** | | | | | | |
| 35 | Pendaftaran Peperiksaan BC-GCE 'O', 'AS' dan 'A' Level & IGCSE Secara On-Line | | ✓ | | ● Mempercepatkan proses penghantaran pendaftaran ke CIE<br><br>● Mengurangkan kesilapan (typo-error)<br><br>● Memudahkan pihak Sekolah menyemak semula 'statement of Entry' tanpa menunggu 'hard-copy' yang dihantar oleh pihak CIE | ● pendaftaran 'On-line' ini diperkenalkan ke maktab/sekolah pada tahun 2014 bagi memudahkan pihak Sekolah membuat pendaftaran, menyemak dan membuat pembetulan dengan lebih efisen.<br><br>● Sekolah-sekolah boleh mengakses sendiri dengan menggunakan 'password' sendiri yang diberikan pihak CIE. |
| 36 | Perkongsian maklumat 'item Analysis' bagi mata-mata pelajaran dalam Penilian Sekolah Rendah | | ✓ | | ● membantu Sekolah Rendah Kerajaan yang telah dikenalpasti mempunyai pencapaian yang kurang memuaskan dalam PSR<br><br>● Membantu Sekolah Rendah Kerajaan mengnalpasti konsep-konsep yang sukar difahami calon untuk merancang program intervensi selanjutnya<br><br>● Memberikan maklumat dan data tambahan untuk menyokong laporan prestasi murid | ● Menyediakan data maklumat analisis atau jawapan murid dalam PSR terutama bentuk atau *pattern* kesalahan-kesalahan jawapan calon<br><br>● Dengan adanya perkongsian ini guru-guru sekurang-kurangnya dapat mengambil tindakan intervensi bagi pembaikan dan memperbaiki pencapain murid |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **ISTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI (IBTE)** | | | | | |
